Vincent Danial (yang berniaga di bawah nama Dan's Agency) lwn Rani a/p M Doraisamy (yang berniaga di bawah nama Victor Agency)

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–27 TAHUN 2008
VT SINGHAM H
15 SEPTEMBER 2009

Prosedur Sivil — Pemindahan tindakan — Dari satu mahkamah sesyen ke mahkamah sesyen lain — Permohonan defendan untuk memindahkan kes dari Mahkamah Sesyen Kuantan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur — Sama ada permohonan untuk pemindahan kes boleh dibuat selepas prosedur awal diselesaikan — Peruntukan Jadual Ketiga Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 — Sama ada kesulitan kepada plaintif boleh dipampas dengan kos

Defendan/perayu merayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen Kuantan di mana permohonan defendan untuk memindahkan Kes No 52–442 Tahun 2006 dari Mahkamah Sesyen Kuantan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan telah ditolak.

Diputuskan, membenarkan rayuan defendan dengan kos dalam kausa:

(1) Defendan telah berjaya menunjukkan bahawa di atas fakta dan keadaan kes ini, bicara kes patut dijalankan di Kuala Lumpur, di mana defendan tinggal di Kuala Lumpur, perniagaan dijalankan di Kuala Lumpur, saksi-saksi defendan adalah dari Kuala Lumpur dan demi keadilan, adalah wajar perbicaraan diadakan di Kuala Lumpur (lihat perenggan 3(3)).

(2) Defendan perlu menunjukkan satu sahaja daripada empat alasan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 ('Akta tersebut'), iaitu, di mana tindakan harus difailkan. Defendan telah menunjukkan lebih daripada satu alasan mengapa kes ini patut difailkan dan dibicarakan di Kuala Lumpur (lihat perenggan 3(4)).

(3) Tidak ada sebarang tempoh masa ditetapkan dalam Akta tersebut atau Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') untuk defendan membuat permohonan untuk memindahkan kes ke mahkamah lain. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang kelewatan pada masa

defendan memfailkan permohonan ini, tidak ada kelewatan yang tidak munasabah atau *inordinate delay* dan mana-mana kelewatan yang timbul bukanlah dibuat dengan tujuan tidak baik (mala fide) atau untuk melambatkan proses keadilan atau untuk meneruskan perbicaraan (lihat perenggan 3(6)).

(4) Sebarang keputusan yang dibuat dalam permohonan untuk memindahkan kes dari Mahkamah Sesyen Kuantan ke Kuala Lumpur harus tertakluk kepada prinsip tafsiran peruntukan statutori. Ujian untuk memfailkan tindakan di mahkamah rendah adalah seperti yang terkandung dalam Jadual Ketiga Akta tersebut dan untuk bicara seperti yang terkandung dalam A 47 k 1 KMR. Jelas bahawa manfaat peruntukan Akta tersebut dan KMR adalah menyokong atau menyebelahi defendan (lihat perenggan 12).

(5) Pintu kepada defendan untuk memohon memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas langkah-langkah prosedur awal diselesaikan tidak ditutup (lihat perenggan 12).

(6) Mahkamah tidak berhak menambah sebarang keperluan kepada Jadual Ketiga, s 3(2) Akta tersebut atau A 47 k 1 KMR untuk defendan berjaya dalam permohonan untuk memindahkan kes (lihat perenggan 13).

(7) Sebarang kesulitan atau perbelanjaan sekiranya dialami oleh plaintif apabila kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur boleh dipampaskan dengan kos kepada plaintif, di mana plaintif yang memulakan tindakan terhadap defendan (lihat perenggan 14).

(8) Walaupun defendan telah memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas, ini tidak bermakna defendan telah bersetuju atau mengakui untuk menyerahkan kes ini kepada bidang kuasa Mahkamah Sesyen Kuantan (lihat perenggan 16).

[English summary

The defendant/plaintiff appealed against the decision of the Kuantan Sessions Court judge where the defendant's application to transfer the Case No 52–442 of 2006 from the Kuantan Sessions Court to the Kuala Lumpur Sessions Court for trial had been dismissed.

Held, allowing the defendant's appeal with costs in cause:

(1) The defendant had succeeded in establishing that based on the facts and circumstances of this case, the case should be tried in Kuala Lumpur, whereby the defendant was staying in Kuala Lumpur, running the business in Kuala Lumpur, the defendant's witnesses were from Kuala

Lumpur and for the sake of justice, it was only appropriate if the trial held in Kuala Lumpur (see para 3(3)).

(2) The defendant needed to prove only one of the four grounds prescribed under the Third Schedule of the Subordinate Courts Act 1948 ('the Act'), ie where the action ought to be filed. The defendant had shown more than one ground why the case should be filed and tried in Kuala Lumpur (see para 3(4)).

(3) There was no time limit prescribed in the Act or the Subordinate Courts Rules 1980 ('SCR') for the defendant to make an application to transfer the case to another court. However, even if there was a delay at the time the defendant filed the application, the delay was not unreasonable or inordinate and any delay which occurred was not made mala fide or to slow the process of justice or to proceed with the trial (see para 3(6)).

(4) Any decision made in the application to transfer the case from the Kuantan Sessions Court to Kuala Lumpur ought to be subjected to the principles of the statutory interpretation provision. The test to file an action in the lower court is provided in the Third Schedule of the Act and for trial is provided under O 47 r 1 of the SCR. It is clear that the benefit of the provision of the Act and the SCR supported or was in favour of the defendant (see para 12).

(5) There was still avenue for the defendant to apply for the case to be transferred to the Kuala Lumpur Sessions Court after the preliminary procedural steps were completed (see para 12).

(6) The court had no right to add any requirement in the Third Schedule, s 3(2) of the Act or O 47 r 1 of the SCR for the defendant to succeed in the application to transfer the case (see para 13).

(7) Any difficulty or expenses suffered by the plaintiff in transferring the case to the Kuala Lumpur Sessions Court could be compensated with costs to the plaintiff, in which the plaintiff had initiated an action against the defendant (see para 14).

(8) Although the defendant had filed the statement of defence and counterclaim, it did not mean that the defendant had agreed or admitted to have handed over this case to the jurisdiction of the Kuantan Sessions Court (see para 16).]

Nota-nota

Bagi kes-kes pemindahan tindakan, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 7792–7808.

Kes-kes yang dirujuk

Khor Seow Kee v Boon Hock Sawmill Sdn Bhd [1993] MLJU 207; [1993] 4 CLJ 365, MT (dirujuk)

Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu [1998] 3 AMR 2501, MT (dirujuk)

Malayan Banking Bhd v International Tin Council and another appeal [1989] 3 MLJ 286, MA (dirujuk)

Raja a/l Thangiah v Baldev Singh Bhar (Peguambela & Peguamcara mengambil dalam gelaran Syarikat Baldev Singh) [2001] MLJU 375; [2001] 7 CLJ 130, MT (dirujuk)

Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd [1988] 2 MLJ 268, MT (dirujuk)

Tung Lian Enterprise v Poly Trading Co [1993] MLJU 524; [1993] 4 CLJ 189, MT (dirujuk)

Yap Thiam Choy v Syarikat Pembenaan Fajar Baru (Rembau) Sdn Bhd [2000] 6 MLJ 755; [2000] 4 CLJ 296, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 s 99A, Jadual Ketiga ss 2, 3, 3(2)
Akta Timbangtara 1952
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 21, A 24, A 47 k 1

Rajeshwari Paramasevam (Kim & Associates) bagi pihak perayu.
R Sarengapani (Vendargon & Partners) bagi pihak responden.

VT Singham H:

[1] Ini adalah satu rayuan oleh defendan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Kuantan yang diberikan pada 4 September 2007 di mana permohonan oleh defendan untuk memindahkan Kes No 52–442 Tahun 2006 dari Mahkamah Sesyen Kuantan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan telah ditolak pada 22 Mei 2008. (Rujuk kepada notis permohonan di ms 1–3 dan afidavit sokongan di ms 45–56 dan deraf perintah bertarikh 22 Mei 2008 di ms 96–97 rekod rayuan).

[2] Plaintif telah menjawab kepada permohonan tersebut melalui afidavit sokongan plaintif dan afidavit balasan plaintif yang diikrar pada 18 Disember 2007. Defendan telah menjawab melalui afidavit balasan yang diikrar pada 14 Februari 2008 kepada afidavit balasan plaintif tersebut. Akhirnya, plaintif telah menjawab melalui afidavit jawapan yang diikrarkan pada 7 Januari 2008 kepada afidavit jawapan defendan tersebut. (Rujuk kepada ms 57–65, ms 66–83 dan ms 84–93 masing-masing di rekod rayuan). Plaintif juga mengunapakai afidavit plaintif yang diikrarkan pada 28 Disember 2006 dan afidavit balasan II plaintif yang diikrarkan pada 13 Mac 2007 dalam permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif. (Rujuk ms

101–105 dan 117–119 rekod rayuan tambahan (lampiran 8) setelah memberi notis di bawah A 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 untuk menggunapakai kedua-dua afidavit tersebut). Persoalan utama dalam rayuan ini, adalah, di mahkamah sesyen manakah bicara kes patut dijalankan, sama ada di Mahkamah Sesyen Kuantan atau di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

[3] Setelah membaca dan meneliti rekod rayuan (lampiran 4) dan rekod rayuan tambahan (lampiran 8), hujah-hujah bertulis dan hujah-hujah lisan bersama autoriti-autoriti oleh kedua-dua pihak, keputusan mahkamah ini adalah:

(1) Mahkamah ini berpuas hati bahawa notis permohonan (kandungan 29) yang difailkan di Mahkamah Sesyen Kuantan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan adalah teratur dan tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang atau kaedah-kaedah mahkamah.

(2) Mahkamah ini berpuas hati bahawa defendan telah berjaya menunjukkan bahawa di atas fakta dan keadaan kes ini, bicara kes patut dijalankan di Kuala Lumpur, di mana defendan tinggal di Kuala Lumpur, perniagaan dijalankan di Kuala Lumpur dan saksi-saksi defendan adalah dari Kuala Lumpur dan perkara ini tidak dapat dinafikan.

(3) Menurut alasan *kedua di atas*, defendan telah berjaya dan menunjukkan bahawa defendan mempunyai alasan-alasan yang kukuh untuk *bicara* dijalankan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, iaitu, defendan tinggal di Kuala Lumpur, perniagaan defendan adalah di Kuala Lumpur, saksi-saksi defendan adalah dari Kuala Lumpur dan demi keadilan, adalah wajar *perbicaraan* diadakan di Kuala Lumpur. (Rujuk kes *Khor Seow Kee v Boon Hock Sawmill Sdn Bhd* [1993] MLJU 207; [1993] 4 CLJ 365, *Tung Lian Enterprise v Poly Trading Co* [1993] MLJU 524; [1993] 4 CLJ 189, *Yap Thiam Choy v Syarikat Pembenaan Fajar Baru (Rembau) Sdn Bhd* [2000] 6 MLJ 755; [2000] 4 CLJ 296; *Raja a/l Thangiah v Baldev Singh Bhar (Peguambela & Peguamcara mengambil dalam gelaran Syarikat Baldev Singh)* [2001] MLJU 375; [2001] 7 CLJ 130, *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1988] 2 MLJ 268, *Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* [1998] 3 AMR 2501).

(4) Menurut *alasan ketiga* di atas, mahkamah ini berpuas hati bahawa adalah lebih sesuai dan lebih adil *bicara* dijalankan di Kuala Lumpur, di mana defendan hanya perlu menunjukkan satu alasan sahaja daripada empat alasan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948, iaitu, di mana tindakan harus difailkan, tetapi defendan telah menunjukkan lebih daripada satu alasan

supaya *kes patut difailkan dan seterusnya dibicarakan* di Kuala Lumpur. Jadual Ketiga (s 99A), s 2 dan s 3 Akta Mahkamah Rendah 1948 menyatakan:

2 Stay of proceedings

(1) Power to stay proceedings unless they have been *instituted* in the District in which:

(a) the cause of action arose;

(b) the defendant resides or has his place of business;

(c) one of several defendants resides or has his place of business;

(d) the facts on which the proceedings are based exist or are alleged to have occurred; or

(e) for other reasons it is desirable in the interests of justice that the proceedings should be had.

(2) (Omitted)

3 Transfer of proceedings

(2) Power, on application or of its own motion, to transfer any proceedings to another court of co-ordinate jurisdiction.

Aturan 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 berkata:

1 Transfer of proceedings to another Court

Where the Judge of any Court is satisfied that any proceedings in that Court *can be more conveniently or fairly tried in some other Court* he may order the proceedings to be transferred to the other Court.

(5) Dalam kes ini, adalah penting untuk membezakan peruntukan di Jadual Ketiga, Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 dan A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. Jadual Ketiga s 2 Akta Mahkamah Rendah 1948 adalah mengenai di manakah satu prosiding patut difailkan (*instituted*) manakala A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 adalah mengenai mahkamah mana adalah *lebih sesuai atau bicara boleh diteruskan*, di mana mahkamah sesyen mempunyai budi bicara untuk memindahkan prosiding ke mahkamah sesyen lain di bawah s 3 Jadual Ketiga Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948.

(6) Dalam kes ini, tidak ada sebarang tempoh masa yang ditetapkan dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 tersebut atau

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 tersebut untuk defendan membuat permohonan supaya kes dipindahkan ke mahkamah lain untuk *bicara*. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang kelewatan pada masa defendan memfailkan permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk bicara seperti yang dihujahkan oleh peguam plaintif, mahkamah ini berpuas hati bahawa:

Pertama, defendan telah memberi penjelasan mengapa permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur difailkan beberapa bulan dari tarikh saman dan pernyataan tuntutan diserahkan dan penjelasan diterima oleh mahkamah ini yang mana tidak ada kelewatan yang tidak munasabah atau *inordinate delay*.

Kedua, sekiranya terdapat kelewatan seperti didakwa oleh plaintif, mahkamah ini berpendapat kelewatan yang timbul bukanlah dibuat dengan tujuan tidak baik (*mala fide*) atau untuk melambatkan proses keadilan atau untuk meneruskan perbicaraan.

[4] Sebenarnya, sejak defendan diserahkan dengan saman bersama pernyataan tuntutan plaintif, defendan telah mengambil langkah-langkah awal prosedur (*preliminary procedural steps*) yang perlu diambil sebelum mahkamah dapat menetapkan tarikh bicara:

Pertama, untuk mendapatkan butir-butir lanjutan yang jelas terhadap pernyataan tuntutan plaintif daripada peguam cara plaintif. Di atas permintaan peguam cara defendan melalui surat bertarikh 2 Ogos 2006, butir-butir lanjutan dan jelas, peguam cara plaintif telah memberi butir-butir lanjutan dan jelas melalui surat bertarikh 31 Oktober 2006. (Rujuk ms 122–123 dan 124–127 surat menyurat masing-masing di rekod rayuan tambahan lampiran 8).

Kedua, defendan terpaksa meminta butir-butir lanjut dan jelas kerana pernyataan tuntutan plaintif adalah tidak jelas dan perlu butir-butir lanjutan dan jelas sebelum defendan dapat memfailkan pernyataan pembelaan. Di sini, adalah penting untuk menyatakan bahawa peguam cara plaintif telah menerima bahawa defendan berhak untuk butir-butir lanjutan dan jelas terhadap pernyataan tuntutan plaintif dan berdasarkan itu, peguam cara plaintif telah memberi butir-butir lanjutan dan jelas kepada perenggan 3, 4, 5, 6 dan 9 peryataan tuntutan daripada sepuluh perenggan di pernyataan tuntutan selain daripada perenggan 11 dan 12 pernyataan tuntutan, di mana adalah mengenai notis tuntutan dan tuntutan faedah. Sebaliknya, sekiranya peguam cara plaintif berpendapat pernyataan tuntutan plaintif adalah jelas dan lengkap, peguam cara plaintif tidak perlu memberi butir-butir lanjutan yang jelas kepada perenggan 3, 4, 5, 6 dan 9 pernyataan tuntutan dan

membiarkan defendan memfailkan permohonan di mahkamah untuk memohon perintah bagi butir-butir lanjutan dan jelas tersebut. Ini menunjukkan bahawa peguam plaintif mengakui bahawa defendan berhak ke atas butir-butir lanjutan yang jelas terhadap pernyataan tuntutan plaintif seperti yang diminta oleh peguam defendan.

Ketiga, sebenarnya pada masa defendan mendapati bahawa tuntutan plaintif adalah tidak jelas untuk defendan dapat memfailkan pernyataan pembelaan, defendan bebas untuk memohon supaya tuntutan plaintif dibatalkan di bawah A 14 k 21 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 di mana tuntutan plaintif tidak mengandungi butir-butir yang jelas dan lengkap dan tidak terdapat kausa tindakan terhadap defendan. Walau bagaimanapun, mahkamah ini berpuas hati bahawa mana-mana defendan seperti defendan dalam kes ini yang menerima pernyataan tuntutan plaintif seperti dalam kes ini memang perlu butir-butir lanjutan dan jelas di atas pernyataan tuntutan plaintif seperti dipohon oleh defendan melalui permintaan bertarikh 22 Ogos 2006 sebelum memfailkan pernyataan pembelaannya.

Keempat, berdasarkan kepada butir-butir lanjutan dan jelas yang disampaikan oleh peguam cara plaintif melalui surat bertarikh 31 Oktober 2006 kepada peguam cara defendan, defendan baru dapat tahu apakah asas tuntutan plaintif dan boleh menentukan pembelaan defendan.

Kelima, walau bagaimanapun, selepas defendan mendapat butir-butir lanjutan dan jelas, defendan telah memfailkan permohonan (lampiran 8) untuk membatalkan tuntutan plaintif di mana kemungkinan kedua-dua pihak telah membalas afidavit-afidavit masing-masing bagi permohonan tersebut.

Keenam, seterusnya melalui afidavit jawapan plaintif terhadap permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif, defendan mendapati dan melihat satu salinan surat bertarikh 25 Ogos 2005 yang kononnya melantik plaintif sebagai wakil defendan, di mana kononnya ditandatangani oleh defendan dan kononnya diserahkan kepada plaintif.

Ketujuh, selepas penerimaan salinan surat bertarikh 25 Ogos 2005 tersebut melalui afidavit jawapan plaintif dan di atas persetujuan oleh kedua-dua pihak, surat tersebut telah dihantar kepada ahli kimia untuk memeriksa tandatangan yang terkandung di dalam surat tersebut kerana tandatangan tersebut telah dinafikan oleh defendan sebagai tandatangan defendan.

Kelapan, ahli kimia daripada Jabatan Kimia Malaysia dilantik oleh defendan untuk menganalisis dan mendapatkan kepastian, sama ada,

tandatangan di atas surat tersebut adalah tandatangan defendan dan surat tersebut telah dihantar kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk satu laporan pakar.

Kesemudiannya peguam cara defendan telah menerima laporan oleh pemeriksa dokumen daripada Jabatan Kimia Malaysia bertarikh 19 Julai 2007 pada 9 Ogos 2007, di mana didapati oleh pemeriksa dokumen tandatangan di atas surat tersebut bukan tandatangan defendan.

Kesemudian, menurut laporan pemeriksa dokumen di mana sesalinan laporan pemeriksa dokumen bertarikh 19 Julai 2007 telah diserahkan kepada peguam cara plaintif, dan di atas persetujuan oleh kedua-dua peguam, satu persetujuan dicapai untuk defendan menarik balik permohonan untuk membatalkan tuntutan plaintif tersebut. Mengikut surat bertarikh 22 Mac 2007, peguam cara plaintif yang menyebut bagi peguam defendan pada 27 Mac 2007 telah memohon bahawa permohonan plaintif untuk membatalkan tuntutan plaintif ditarik balik dengan tiada perintah untuk kos. Peguam cara plaintif juga telah mendapat satu tarikh sebutan lain untuk defendan memfailkan satu pernyataan pembelaan. Melalui surat bertarikh 28 Mac 2007, peguam cara plaintif telah memaklumkan kepada peguam cara defendan bahawa peguam cara plaintif telah menyebut bagi peguam cara defendan pada 27 Mac 2007 dan telah menarik balik permohonan tersebut (kandungan 8) dan tiada perintah untuk kos, dan kes tersebut ditetapkan untuk sebutan pada 8 April 2007 menunggu defendan memfailkan pernyataan pembelaan.

Kesebelas, sebaik sahaja tindakan prosedur awalan (*preliminary procedural steps*) tersebut telah diselesaikan, peguam cara defendan telah memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas bertarikh 16 April 2007 tanpa sebarang bantahan oleh peguam cara plaintif terhadap tempoh masa di mana pernyataan pembelaan difailkan.

[5] Di sini adalah penting untuk menyatakan dan tidak dapat dinafikan bahawa sebaik sahaja pliding ditutup, satu tarikh bicara boleh dipohon untuk ditetapkan. Walau bagaimanapun, setelah kesemua tindakan prosedur awal tersebut telah diselesaikan dan setelah defendan dapat tahu siapakah saksi-saksi yang perlu dipanggil untuk pembelaan terhadap tuntutan plaintif dan setelah memastikan saksi-saksi termasuk pemeriksa dokumen dan pegawai polis adalah dari Kuala Lumpur, defendan memfailkan permohonan (lampiran 29) di Mahkamah Sesyen Kuantan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk bicara diadakan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

A **[6]** Sehingga kini tidak ada sebarang keterangan dalam afidavit plaintif bahawa sama ada, satu tarikh bicara telah ditetapkan, dan sama ada plaintif telah memohon satu tarikh bicara dan sama ada plaintif bersedia untuk meneruskan dengan perbicaraan, jika tarikh bicara telah ditetapkan, di mana mahkamah ini mendapati tidak ada tarikh bicara ditetapkan di Mahkamah B Sesyen Kuantan sehingga hujah-hujah diselesaikan oleh kedua-dua belah pihak dalam rayuan di mahkamah ini. Apa yang terkandung dalam afidavit-afidavit plaintif adalah plaintif ingin mendapat satu lagi pendapat, iaitu *pendapat kedua* daripada seorang pakar yang dilantik oleh plaintif terhadap tandatangan di surat bertarikh 25 Ogos 2005 tersebut dan perkara C ini masih belum diselesaikan kerana dikatakan defendan enggan bersetuju supaya plaintif merujuk kepada pakar yang dilantik oleh plaintif untuk satu lagi pendapat daripada pakar plaintif.

D **[7]** Walau bagaimanapun, sekiranya defendan gagal atau tidak bersetuju untuk plaintif mendapat satu pendapat kedua daripada seorang pakar yang dilantik oleh plaintif, peguam cara plaintif, dengan segala hormatnya patut tahu apakah langkah-langkah yang perlu dan boleh diambil untuk plaintif diberi peluang untuk merujuk surat tersebut kepada pakar dan bukan E berdiam diri dan menyalahkan defendan dan menuduh bahawa defendan mahu melambatkan perbicaraan melalui permohonan memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Sebenarnya, defendan telah memberitahu peguam cara plaintif melalui surat bertarikh 7 Julai 2008 bahawa plaintif yang cuba melambatkan prosiding tetapi plaintif tidak menjawab kepada F pernyataan tersebut walaupun satu jawapan telah diberi oleh peguam cara plaintif melalui surat bertarikh 29 Januari 2008, di mana pernyataan bahawa plaintif yang melambatkan prosiding tidak dijawab oleh peguam plaintif. (Rujuk ms 80 dan 92 rekod rayuan lampiran 4).

G **[8]** Seterusnya mahkamah ini mendapati bahawa selain daripada menyatakan di perenggan 14 afidavit balasan II plaintif bahawa defendan telah salah faham akan apa yang dinyatakan di perenggan 10 afidavit balasan plaintif, plaintif tidak menjelaskan apakah maksud pernyataan di perenggan 10 tersebut dan membiarkan perkara itu tanpa sebarang penjelasan apakah H yang dimaksudkan oleh plaintif di perenggan 10 afidavit balasan plaintif.

[9] Di atas keseluruhan fakta kes, mahkamah ini tidak dapat menerima dakwaan plaintif yang menyatakan bahawa defendan yang cuba melambatkan proses perbicaraan dengan membuat permohonan untuk I memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Sebaliknya, mahkamah ini berpendapat, plaintif yang melambatkan kes dari awalnya dan memfailkan satu tuntutan terhadap defendan tanpa butir-butir lanjutan yang jelas dan lengkap sehingga defendan perlu membuat permintaan kepada peguam cara plaintif dan peguam cara plaintif bersetuju untuk memberi

butir-butir lanjutan dan jelas kepada peguam cara defendan. Seperti yang dinyatakan terlebih dahulu, sekiranya peguam plaintif berpendapat pernyataan tuntutan plaintif adalah mencukupi untuk defendan mendapat tahu apakah kausa tindakan plaintif, tidak perlu peguam cara plaintif memberi butir-butir lanjutan dan jelas seperti yang terkandung di jawapan peguam cara plaintif bagi perenggan 3, 4, 5, 6, 8 dan 9, pernyataan tuntutan seperti di ms 124–127 rekod rayuan tambahan. Di sini, mahkamah ini mendapati bahawa asas alasan bantahan plaintif untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan adalah dikatakan kausa tindakan berlaku di Kuantan, di mana defendan sama sekali menafikan sebarang transaksi yang berlaku atau perjanjian di antara plaintif dan defendan kerana asas tuntutan plaintif adalah mengenai surat bertarikh 25 Ogos 2005 tersebut di mana tandatangan telah dipertikaikan oleh defendan dan didapati oleh pemeriksa dokumen bahawa itu bukanlah tandatangan defendan.

[10] Mahkamah ini berpendapat bahawa defendan sememangnya tidak dapat memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas terhadap pernyataan tuntutan plaintif tanpa butir-butir lanjutan dan jelas yang telah diserahkan kepada peguam cara defendan dan plaintif yang bertanggungjawab untuk perkara tersebut di atas. Oleh itu, persoalan berkaitan dengan kelewatan bukanlah disebabkan oleh defendan seperti yang dihujahkan oleh peguam plaintif. Pendek kata, mahkamah ini tidak mendapati terdapat apa-apa tujuan yang tidak baik (*mala fide*) terhadap defendan untuk memfailkan permohonan memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur *untuk dibicarakan*. Sebaliknya dan sekiranya plaintif adalah serius untuk meneruskan tuntutan plaintif terhadap defendan, plaintif berhak untuk memohon mendapatkan penghakiman ingkar dan menetapkan satu tarikh untuk mentaksirkan ganti rugi yang dituntut pada awalnya, iaitu, apabila defendan masih belum memfailkan pernyataan pembelaan. Plaintif tidak perlu untuk menunggu sehingga defendan dapat menyelesaikan langkah-langkah awal (*preliminary prosedural steps*) tersebut dan membenarkan tempoh masa yang panjang untuk defendan memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas bertarikh 16 April 2007 di mana plaintif memfailkan jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas defendan bertarikh 21 Mei 2007. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa apabila meneliti kronologi dan latar belakang kes ini, plaintif tidak konsisten dengan apa yang berlaku dan apa yang dibenarkan untuk berlaku dan apabila dibandingkan dengan hujahan oleh peguam cara plaintif di mana mahkamah ini berpendapat bahawa defendan berhak untuk memohon *bicara* dijalankan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di atas sebab-sebab yang digunapakai oleh defendan dalam permohonan yang difailkan di Mahkamah Sesyen Kuantan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Seterusnya, Mahkamah Sesyen Kuantan juga mempunyai budi bicara untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

[11] Seterusnya, mahkamah, setelah merujuk kepada afidavit jawapan oleh plaintif kepada permohonan defendan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, mendapati kebanyakan pernyataan menyentuh kepada merit tuntutan plaintif dan bukan sebenarnya kepada alasan-alasan yang ditunjuk oleh defendan supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur *untuk dibicarakan* melainkan dihujahkan oleh peguam plaintif sekiranya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur ia akan memprejudiskan perbicaraan dan dikatakan kausa tindakan berlaku di Kuantan.

[12] Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa sebarang keputusan yang dibuat dalam permohonan untuk memindahkan kes dari Mahkamah Sesyen Kuantan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur *untuk dibicarakan* harus terikat dan tertakluk kepada prinsip tafsiran peruntukan statutori, iaitu, (*governed by broad and well recognised principles of statutory construction*) di mana, bantahan oleh peguam plaintif terhadap permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur adalah tidak berasas (*is not well founded*). Mahkamah ini berpendapat bahawa ujian sebenarnya (*true test*) yang jelas untuk memfailkan tindakan di mahkamah rendah adalah seperti yang terkandung dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948, Jadual Ketiga dan untuk bicara seperti yang terkandung di bawah A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 apabila dibaca keseluruhannya, khususnya, peruntukan di mana prosiding patut *difailkan* dan boleh dipindahkan untuk dibicara adalah jelas bahawa manfaat peruntukkan di Akta tersebut dan kaedah-kaedah tersebut adalah menyokong atau menyebelahi defendan. Oleh itu, pintu kepada defendan untuk memohon memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan selepas langkah-langkah prosedur awal diselesaikan tidak ditutup. Defendan juga tidak dihalang untuk memfailkan permohonan pada masa permohonan difailkan di Mahkamah Sesyen Kuantan untuk perbicaraan dijalankan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Dengan itu, hakim mahkamah sesyen memang mempunyai budi bicara seperti yang ditetapkan di bawah A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Jadual Ketiga s 3(2) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948.

[13] Mahkamah ini tidak mempunyai hak untuk menambah sebarang keperluan yang lain dalam Jadual Ketiga, s 3(2) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948, atau A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 untuk defendan berjaya dalam permohonan untuk memindahkan kes. Sebenarnya dan sekiranya terdapat satu keadaan, di mana ada lebih daripada satu defendan dan hanya salah satu defendan tinggal atau mempunyai perniagaan di Kuala Lumpur, alasan itu sahaja mencukupi untuk memohon

kes dipindahkan ke mahkamah Kuala Lumpur. (Rujuk kes *Malayan Banking Bhd v International Tin Council and another appeal* [1989] 3 MLJ 286 di ms 288–289).

[14] Mahkamah ini juga mendapati, tidak ada apa-apa tujuan untuk menghalang atau melambatkan bicara atau penghakiman atau prosiding oleh defendan. Sebenarnya, defendan berhak dan bebas untuk menggunapakai peruntukan-peruntukan di bawah Jadual Ketiga s 3(2) Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 dan A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang telah ditetapkan untuk memohon pindahan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan dan terserah kepada budi mahkamah untuk menggunakan budi bicara secara kehakiman. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa sebarang kesulitan atau perbelanjaan sekiranya dialami oleh plaintif apabila kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur boleh dipampaskan dengan kos kepada plaintif, di mana plaintif yang memulakan tindakan terhadap defendan. (*It is the plaintiff who has dragged the defendant to court*).

[15] Oleh yang demikian, peruntukan di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948, Jadual Ketiga tersebut dan dibaca bersama A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, adalah untuk memastikan bahawa defendan juga setaraf dengan plaintif (*level playing field*) dan bukan bertujuan membawa kesulitan kepada defendan. Juga tidak ada sebarang tempoh masa yang ditetapkan atau dihadkan kepada defendan untuk memohon kes di Mahkamah Sesyen Kuantan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan. Selanjutnya kes ini bukan satu keadaan di mana defendan bersikap acuh tak acuh ke atas hak beliau (*not an indolent defendant*) atau membiarkan perkara ini berlarutan atau satu kelewatan yang melampau dan membiarkan kes ditetapkan untuk bicara atau bicara telah pun diteruskan di Mahkamah Sesyen Kuantan, barulah defendan memohon untuk perpindahan kes. Dalam kes ini, defendan telah mengambil kesemua langkah-langkah prosedur yang awal (*preliminary procedural steps*) tersebut untuk mendapat butir-butir lanjutan dan jelas terhadap tuntutan plaintif dan sebaik sahaja menerima salinan dokumen-dokumen daripada peguam plaintif, peguam defendan telah memfailkan permohonan untuk membatalkan tuntutan plaintif dan apabila semua langkah-langkah ini telah diselesaikan termasuk memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas, barulah defendan dapat membuat permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur supaya perbicaraan dapat dijalankan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di atas alasan-alasan yang terkandung dalam permohonan tersebut sebelum satu tarikh bicara ditetapkan di Mahkamah Sesyen Kuantan.

A **[16]** Oleh sebab defendan telah memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam plaintif bahawa ini bermakna defendan telah bersetuju atau mengakui untuk menyerahkan kes ini kepada bidang kuasa Mahkamah Sesyen Kuantan. Di sini adalah penting, iaitu, membezakan dengan perkara-perkara dalam Akta B Timbangtara 1952, di mana terdapat satu surat perjanjian di antara seorang plaintif dan defendan dan terdapat satu pertikaian di mana defendan ada dua pilihan, sama ada untuk menyerahkan pertikaian tersebut kepada timbang tara seperti yang diperuntukkan dalam surat perjanjian atau ke mahkamah dan selepas memilih dan serahkan pertikaian tersebut kepada satu forum C yang tertentu, pihak itu tidak dibenarkan untuk menukar forumnya sewenang-wenangnya dan selepas mengambil langkah-langkah supaya forum itu meneruskan prosiding tersebut. Kes ini bukanlah seperti dalam keadaan tersebut dan defendan bebas dan berhak untuk memohon kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan.

D

[17] Di sini, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa kes ini bukan satu keadaan di mana defendan hanya memfailkan permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur setelah satu tarikh E bicara ditetapkan atau membenarkan separuh bicara dijalankan atau diperingkat separuh bicara. Sekiranya permohonan difailkan dalam keadaan tersebut, ada kemungkinan dan boleh dikatakan defendan cuba melambatkan proses keadilan, penghakiman atau perbicaraan. Dalam kes ini, permohonan difailkan dalam masa yang tepat dan sebaik sahaja semua langkah-langkah F awal tersebut telah diselesaikan seperti dinyatakan sebelum ini tanpa sebarang halangan atau bantahan daripada plaintif sehingga membenarkan defendan memfailkan pernyataan pembelaan sebaik sahaja semua langkah-langkah awal tersebut diselesaikan.

G **[18]** Dalam kes di hadapan mahkamah ini, defendan mempunyai segala 'senjata' untuk mempertikaikan atau menahan bantahan plaintif dan defendan berhak untuk menggunapakai segala 'senjata' yang dimilikinya. Mahkamah ini berpuas hati bahawa permohonan defendan untuk memindahkan kes bukan dibuat dengan tujuan yang tidak baik tetapi dengan H tujuan bona fide. Defendan telah menunjukkan lebih daripada satu alasan atau keperluan supaya kes ini patut dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, di mana Mahkamah Sesyen Kuantan masih belum menetapkan tarikh bicara.

I **[19]** Oleh yang demikian, di atas sebab-sebab dan demi keadilan, mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana patut membenarkan permohonan defendan seperti dipohon melalui kandungan 29 seperti diperuntukkan di bawah A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan menggunakan budi bicara secara kehakiman

seperti dibenarkan di bawah s 3(2) Jadual Ketiga Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 dan A 47 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkmah Rendah 1980 di atas sebab-sebab yang dinyatakan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, rayuan oleh defendan dibenarkan dan keputusan hakim mahkamah sesyen yang diberikan pada 22 Mei 2008 diketepikan. Seterusnya, perintah seperti dipohon di notis permohonan (lampiran 29) di ms 1–3, *prayer* (a) dibenarkan dan diperintahkan fail Guaman Sivil No 52–442 Tahun 2006 dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan serta merta dan *prayer* (b) juga dibenarkan di mana kos adalah dalam kausa.

Pemohonan dibenarkan dengan kos dalam kausa.

Reported by Kanesh Sundrum